

CNS3130

R PB 06-03 00143 BB456

bah

Mahathir - Umno

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO NOVEMBER

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno akan diadakan pada minggu pertama November ini, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Mesyuarat Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita akan diadakan sehari lebih awal iaitu pada 3 Nov, katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

"Bahagian dan cawangan pula akan diberitahu kemudian mengenai mesyuarat masing-masing," kata Perdana Menteri.

Beliau tidak menyatakan tarikh mesyuarat bahagian dan cawangan tetapi menurut sumber Umno, cawangan-cawangan akan bermesyuarat dalam bulan Mei dan Jun manakala bahagian pada bulan Julai dan Ogos.

Dr Mahathir juga berkata mesyuarat ini membuat keputusan bahawa orang keturunan Portugis boleh menganggotai Umno sekiranya mereka disahkan sebagai bumiputera. -- Lagi.

♥06/03/20-31MST

CNS3.132

R PB 06-03 00146 BB457

bah

Mahathir - Umno 2 (Akhir) Kuala Lumpur

"Pihak badan sejarah akan menentukan sama ada mereka adalah Bumiputera atau tidak. ..kalaupun ditakrif sebagai Bumiputera mereka akan diterima sebagai anggota Umno," katanya.

Badan Perhubungan Umno MC lak menyatakan baru-baru ini akan merujuk perkara itu kepada Majlis Tertinggi setelah masyarakat keturunan Portugis di negeri itu membuat permohonan untuk membubuhkan cawangan Umno.

Dr Mahathir berkata beliau menerangkan kepada anggota-anggota Majlis Tertinggi mengenai "pindaan kepada pindaan perlembagaan" yang akan dibahaskan di Parlimen minggu depan.

"Saya telah jelaskan maksud pindaan kepada pindaan perlembagaan ini dan persetujuan antara kerajaan dengan pindaan yang disyorkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja," katanya.

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 itu yang bertujuan menhadkan imuniti Raja-Raja di segi undang-undang akan dibahaskan di Dewan Rakyat pada hari Isnin dan Selasa ini serta Dewan Negara pada hari Rabu. -- Bernama.